



PULASAN mula mengeluarkan buah pada umur empat tahun dan ke atas dan ia juga sangat bergantung kepada penjagaan pokok dan kesuburan tanah.

Tip penjagaan pulasan

NEPHELIUM mutabile merupakan nama saintifik bagi pulasan dan tergolong dalam keluarga rambutan iaitu Sapindaceae. Buah pulasan mempunyai persamaan dengan buah rambutan akan tetapi terdapat perbezaan nyata yang boleh dilihat dari segi kulitnya yang lebih tebal, bulunya yang agak keras dan isinya ada yang kering atau berair bergantung kepada klon.

Untuk kaedah pembiakan pokok pulasan pula, kaedah cantuman mata tunas adalah sangat mudah dibiak dan mempunyai kadar peratusan hidup yang tinggi.

Manakala bagi kaedah cantuman baji pula, cantuman yang dibuat biasanya mempunyai kadar peratus hidup yang rendah dan agak sukar untuk dibiakbakakan.

Ini kerana, pokok pulasan mempunyai kulit yang nipis dan halus.

Seterusnya, anak pokok yang telah berjaya dicantum perlu diberikan penjagaan yang sempurna di tapak semaian untuk menjamin pertumbuhan tangkai yang cepat, agresif, subur dan tidak berpenyakit.

Anak pokok yang mencapai ketinggian satu meter sangat sesuai ditanam di kebun atau ladang, adalah digalakkan menggunakan jarak tanaman 9 meter x 9 meter dengan sistem segi empat sama.

Kepadatan pokok bagi kawasan sehektar tanaman ialah 123 pokok.

Tapak tanaman perlu dipancang dan digali dengan ukuran lubang tanam iaitu 60 sentimeter (sm) (lebar) x 60 sm (panjang) x 30 sm (kedalaman lubang).

Kerja yang seterusnya ialah lubang tanam perlu ditabur dengan baja



Oleh **NORHAIMANSHAH ISMAIL**
Taman Pertanian Universiti
Universiti Putra Malaysia

● Segala pertanyaan dan kemusykilan boleh diajukan ke: norhaimanshah@gmail.com

organik dan baja tumbesaran semasa penanaman.

Ia berfungsi untuk menyuburkan tanah, memperbaiki tekstur/struktur tanah dan membekalkan zat makanan kepada pokok.

Pokok pulasan yang telah ditanam perlu diberi penjagaan yang sempurna dari segi kerja penyiraman, pemangkasan, kawalan rumpai, pembajaan, kawalan penyakit dan perosak.

Ia dapat menjamin pertumbuhan yang cepat dan pengeluaran buah yang maksimum apabila mencapai umur matang.

Secara umumnya, pokok pulasan mula mengeluarkan buah pada umur empat tahun dan ke atas dan ia juga sangat bergantung kepada penjagaan pokok dan kesuburan tanah.

Pengairan

- Pokok pulasan perlu disiram dua kali sehari pada awal pagi dan lewat petang.
- Sekiranya menggunakan sumber air dari kolam yang berhampiran, pastikan air tidak tercemar, tidak berasid atau tidak mempunyai sisa-sisa racun yang boleh menyebabkan kerosakan atau kemusnahan pada pokok.
- Penanaman pokok pada musim hujan dapat membantu mengurangkan kerja penyiraman, di samping dapat membekalkan air secara berterusan dan memberikan kelembapan kepada pokok.
- Penggunaan teknologi yang baru seperti sistem pengairan titis dapat membantu menyalurkan air secara berkesan, jimat dan berterusan sehingga pokok berbuah.
- Sekiranya musim panas, sistem pengairan titis ini dapat membekalkan air dengan cepat, mudah dan menjimatkan kos tenaga buruh.
- Keperluan air untuk pokok pulasan ialah sekurang-kurangnya lapan liter sehari di peringkat awal pertumbuhan.

Kawalan rumpai

- Perkara penting yang perlu dititikberatkan selepas penanaman pokok pulasan ialah kawalan rumpai dikelilingi pokok. Ini kerana rumpai yang tumbuh di bawah pokok (keliling) boleh menyebabkan pokok bersaing dengan rumpai untuk mendapatkan makanan dan sesetengah rumpai akan melilit pada bahagian pokok sehingga mengakibatkan pokok menjadi tidak subur dan mati.
- Kawalan rumpai yang biasa dibuat dikawasan kebun ialah dengan menggunakan cangkul atau racun kimia. Manakala, penggunaan racun kimia dikawasan ladang ialah jenis paraquat yang mana ia tidak mencederakan akar pokok dan bertindak balas dengan cara sentuhan pada permukaan daun yang terkena racun.

Pemangkasan

- Pokok pulasan perlu dibentuk selepas setahun ditanam, ia menggunakan sistem terbuka tengah.
- Sistem terbuka tengah ini dibentuk dengan memotong batang/dahan yang tumbuh meninggi di bahagian tengah pokok, seterusnya membiarkan empat dahan sisi utama tumbuh dengan seimbang.
- Pembentukan dahan utama perlu di peringkat awal pertumbuhan supaya dapat membentuk dahan pembungaan dan pemuahan serta mengawal saiz pokok.
- Dalam sistem terbuka tengah, terdapat dua jenis pemangkasan yang dilakukan iaitu pemangkasan pembentukan awal dan pemangkasan penjagaan.
- Pemangkasan pembentukan dibentuk bermula dari umur satu hingga tiga tahun selepas ditanam. Ia bertujuan untuk membentuk dahan pembungaan, memberikan ruang pengudaraan dan

cahaya matahari kepada pokok serta mengawal saiz pertumbuhan pokok. Bagi pemangkasan penjagaan pula, digalakkan memotong tunas air yang tidak produktif, ranting yang melepai ke tanah, ranting yang bertindih/bersilang dan ranting yang mati serta berpenyakit.

Pembajaan

- Penggunaan baja organik (tahi ayam reput/diproses) dapat menambahkan unsur mikro di dalam tanah dan juga membantu mempercepatkan pertumbuhan vegetatif.
- Selain itu, penggunaan baja kimia dapat mempercepatkan tumbesaran pokok melalui pengeluaran tunas/ranting yang baru dan pengeluaran bunga serta buah.
- Secara teorinya, baja kimia boleh dibahagikan kepada tiga jenis baja yang utama iaitu baja tunggal (baja urea), baja campuran (Campuran baja urea dicampur dengan baja TSP/CIRP dan baja sebatian).
- Baja sebatian boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu baja tumbesaran/daun, NPK Hijau 15:15:15 dan baja buah, NPK Biru 12:12:17:2. Manakala kekerapan jadual pembajaan ialah tiga atau empat kali dalam setahun.
- Kadar baja yang diperlukan oleh pokok pulasan bergantung kepada umur pokok, kesuburan tanah dan analisis tanah serta daun. Pembajaan pokok pulasan perlu dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu 1/3 pertama (sebulan sebelum pokok berbuah), 1/3 kedua (sebulan setelah buah berputik) dan 1/3 ketiga (selepas kutipan hasil).

Kawalan penyakit dan serangga

- Antara penyakit yang biasa menyerang pokok pulasan ialah seperti penyakit keruping batang, penyakit kanker batang, penyakit cendawan angin dan penyakit akar putih. Pengawalan dengan menggunakan racun kulat yang disyorkan serta digalakkan membuat cantasan untuk tujuan pengudaraan pokok yang lebih sempurna.
- Serangga yang menjadikan pokok pulasan sebagai sasaran serangan ialah seperti kumbang pemakan daun, kumbang belangkas, ulat lipat daun, ulat buah dan lain-lain serangga.

